

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Komputer sudah tidak asing lagi kepada kita. Sejak penciptaan mikropemproses (microprocessor) pada pertengahan tahun 1970- an, penggunaan teknologi komputer didalam masyarakat telah berkembang dengan pesatnya. Komputer digunakan dengan meluas dalam bidang sains, perniagaan, pengangkutan, industri, kerajaan, undang – undang dan pendidikan (Zaidun Omar,1993).

Watson (1987), berpendapat penggunaan komputer dalam pendidikan adalah pelbagai. Ianya boleh digunakan untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan (seperti akaun, kedatangan, penjadualan, penggunaan diperpustakaan), penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, pembinaan item ujian, pentadbiran ujian dan pemarkahan, sebagai alat bagi menghasilkan bahan untuk kegunaan peribadi dan sebagainya.

Manakala menurut Pang, Yap dan Tham (1992), penggunaan komputer dalam pendidikan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu sebagai alat pentadbiran, alat penyelidikan dan media pengajaran dan pembelajaran.

Pada awal tahun 1980-an komputer – mikro telah diperkenalkan di sekolah - sekolah, kegunaannya ialah untuk membuat inventori dan mengumpulkan data - data murid. Mengikut Brennan (1991), yang memetik laporan “Quality Education Data 1991”, peratus sekolah di Amerika Syarikat yang memiliki komputer – mikro meningkat sehingga 98% setakat tahun 1990 –1991.

Namun begitu tahap 'celik komputer' dikalangan rakyat Malaysia masih rendah dan belum memuaskan walaupun penggunaanya semakin meluas. Menurut bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, kajian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terhadap 22,000 responden di negara ini yang berusia lebih 10 tahun, secara purata mendapati hanya 12 peratus sahaja yang 'celik komputer' (Mingguan Malaysia 13.7.1997).

Menurut Robert (1998), pertambahan dalam komputer telah membawa kepada kepelbagaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian – kajian berkaitan dengan penggunaan komputer menunjukkan teknologi komputer memperkayakan pelajaran dan mempertingkatkan pembelajaran pelajaran.

Abdul Hamid (1995), berpendapat penggunaan komputer dalam pendidikan dan kebolehan pelajar menggunakannya secara berkesan kini dilihat sebagai perkara perlu dalam mana – mana sistem pendidikan.

Keperluan pengetahuan dan kebolehan menggunakan komputer telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Muhammad (1991, m.s.19), dalam ucapannya yang bertajuk 'Malaysia, The Way Forward', berkata:

*"Computer literacy is a must if we want to progress and develop. No effort must be spared in this creation of an information rich Malaysian society."*

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Penggunaan komputer dalam pendidikan telah mula menular ke dalam sistem pendidikan negara. Pengenalannya secara beransur – ansur bermula dengan penubuhan Kelab Komputer pertama di Sekolah Menengah La Salle, Petaling Jaya pada tahun 1981. Populariti kelab komputer semakin bertambah, setakat tahun 1990 terdapat tidak kurang 800 buah kelab komputer di seluruh negara (Zoraini, 1991).

Aktiviti kelab komputer ialah literasi komputer seperti pengenalan komputer, penggunaan pual aplikasi, pengenalan BASIC dan permainan komputer. Semua kegiatan ini dijalankan sebagai aktiviti ko- kurikulum (Sulaiman, 1994).

Pada April 1986 Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Projek Rintis Literasi Komputer dengan 20 buah sekolah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Setiap sekolah dibekalkan dengan lima buah komputer – mikro. Matapelajaran Pengenalan Kepada Komputer telah dikenalkan kepada pelajar tingkatan empat tetapi di batalkan kemudian kerana bertindih dengan aktiviti kelab komputer (Pahawana, 1998).

Seterusnya Jawatankuasa Bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Sistem Mikroelektrik Malaysia (KPM-MIMOS) telah dibentuk pada Disember 1986 dengan tujuan kearah menjayakan Projek Komputer Dalam Pendidikan di sekolah – sekolah. Pada Julai 1992, Kementerian Pendidikan melancarkan Program Literasi Komputer kepada tingkatan satu dan dua di 60 buah sekolah menengah di luar bandar. Setiap sekolah dibekalkan dengan 20 buah komputer untuk tujuan literasi komputer (Yusof, 1993).

Sehingga 1997 sekolah untuk program komputer dalam pendidikan melibatkan 222 buah sekolah rendah dan 110 sekolah menengah di seluruh negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1997).

Manakala penggunaan komputer di sekolah swasta bermula sejak tahun 1980-an, bila kursus komputer diperkenalkan. Sekolah swasta mula memperkenalkan kelab komputer dalam aktiviti ko – kurikulum mereka (Shahdan, 1993).

Sekolah yang dikaji merupakan sebuah sekolah swasta yang terletak di Shah Alam. Ia mempunyai seramai 420 pelajar dari peringkat pra- sekolah hingga ke peringkat menengah. Literasi komputer adalah diajar sebagai satu matapelajaran sekolah.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Terdapat banyak kajian yang cuba menjelaskan kepentingan literasi komputer. Namun begitu kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer adalah sangat kurang lebih lagi tiada kajian tempatan yang dilakukan terhadap sekolah swasta. Memandangkan tiada kajian dijalankan di sekolah swasta, maka kajian ini cuba mendedahkan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer di sekolah swasta.

## **1.3 Matlamat Kajian**

Kajian ini ingin mengenalpasti faktor -faktor yang mempengaruhi dan bagaimana pelaksanaan program literasi komputer di sebuah sekolah swasta.

## **1.4. Soalan Kajian**

1. Mengapa program literasi Komputer diperkenalkan?.
2. Apakah faktor –faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program Literasi Komputer ?.
3. Bagaimanakah proses perancangan dijalankan untuk pelaksanaan program Literasi Komputer ?.
4. Apakah masalah yang timbul semasa pelaksanaan program Literasi Komputer ?.
5. Bagaimanakah masalah yang timbul diatasi?.
6. Apakah rancangan masa depan?.

### **1.5 Signifikasi Kajian**

1. Kajian ini memberi maklumat penting kepada pendidik dan juga pihak pentadbir sekolah mengenai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan literasi komputer di sekolah.
2. Kajian ini dapat digunakan untuk merancang kegiatan seterusnya bagi meningkatkan kualiti program literasi komputer.
3. Kajian ini akan memberi pemahaman mengenai program penggunaan komputer dalam pendidikan di sekolah swasta.

### **1.6 Had Kajian**

Kajian ini terbatas kepada sebuah sekolah swasta sahaja yang mempunyai suasana sekolah dan iklim, komposisi populasi, guru, nilai dan budaya sekolah yang tersendiri.